

1. Norli tidak sanggup menghabiskan air rebusan daun herba itu kerana rasanya _____

- ☐ A pedas seperti cili
- ☐ B manis seperti madu
- ☐ C masin seperti garam
- ☐ D pahit seperti hempedu

2. Akibat daripada kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997, banyak peniaga yang terpaksa _____ kerana mereka mengalami kerugian yang teruk.

- ☐ A salin tikar
- ☐ B jalan buntu
- ☐ C gulung tikar
- ☐ D hisap darah

3. Maksud "peribahasa jika kerbau dipegang pada talinya, manusia pula dipegang pada janjinya" ialah _____.

- ☐ A janji yang dibuat mesti ditepati
- ☐ B jangan mudah melafazkan janji
- ☐ C manusia memang mudah lupa janji
- ☐ D janji hanya dikeluarkan oleh mulut bukan di hati

4. Kita haruslah menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa kita. Jika tidak kita akan dianggap _____.

- ☐ A seperti harimau menyembunyikan kuku
- ☐ B laksana burung diam dalam sangkar
- ☐ C bagai kacang melupakan kulit
- ☐ D laksana katak diharung ular

5. Puan Dibah mengemas rumahnya dengan pantas sekali. Keadaannya samalah _____.

- ☐ A seperti lipas kudung
- ☐ B seperti ikan kena tuba
- ☐ C bagai murai tercabut ekor
- ☐ D bagai kucing dibawakan lidi

6. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Setelah berpisah dengan suaminya, Puan Kamala membawa anak-anaknya tinggal dengan bapa saudaranya. Tidak lama kemudian, bapa saudaranya yang menjadi tempat Puan Kamala dan anak-anaknya bergantung itu pula meninggal dunia.

- ☐ A seperti abu di atas tunggul
- ☐ B seperti melukut di tepi gantang
- ☐ C seperti mendukung biawak hidup
- ☐ D seperti orang buta kehilangan tongkat

7. Maksud peribahasa "ada pasang surutnya" ialah _____.

- ☐ A untung dan malang nasib seseorang tidaklah tetap
- ☐ B susah dan senang harus ditanggung bersama
- ☐ C orang yang pendiam jangan disangka bodoh
- ☐ D semua orang ada melakukan kesilapan

8. Maksud peribahasa "rambut sama hitam, hati lain-lain" ialah _____.

- ☐ A setiap orang mempunyai hati masing-masing
- ☐ B setiap orang mempunyai perangai yang sama
- ☐ C setiap orang berbeza pendapat dan perbuatan
- ☐ D setiap orang mempunyai rambut yang berbeza

9. Keluarga miskin itu terpaksa _____ kerana tiada wang untuk membeli barang-barang makanan.

- ☐ A ikat perut
- ☐ B alas perut
- ☐ C gulung tikar
- ☐ D goyang kaki

10. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Selepas kematian ayah, Rosiah dan adik-beradiknya sering bergaduh tentang harta pusaka. Akhirnya keluarga itu telah bersatu semula apabila masalah harta pusaka tersebut berjaya diselesaikan.

- ☐ A air dicencang tidak akan putus
- ☐ B dekat bau bunga, jauh bau tahi
- ☐ C bumi mana yang tidak ditimpa hujan
- ☐ D sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa

11. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Halim kesal kerana dia pernah menyakiti hati ibunya. Dia tidak sempat untuk meminta maaf daripada ibunya kerana ibunya sudah tiada.

- ☐ A malang tidak berbau
- ☐ B air dicencang tiada putus
- ☐ C nasi sudah menjadi bubur
- ☐ D sebab nila setitik, rosak susu sebelanga

12. Jamil _____ kerana dia mengambil semula hadiah yang telah diberikan kepada adiknya itu.

- ☐ A mati akal
- ☐ B bulat kata
- ☐ C buruk siku
- ☐ D makan hati

13. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Perselisihan faham antara Encik Tahir dengan Encik Masri akhirnya terlerai setelah keduanya menyadari kesilapan masing-masing dan saling bermaafan.

- ☐ A betapa berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikulnya
- ☐ B carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga
- ☐ C berani kerana benar, takut kerana salah
- ☐ D buang yang keruh, ambil yang jernih


14. Ahmad membantu lelaki yang terjatuh daripada motosikal. Namun begitu, dia telah disamun oleh lelaki tersebut. Nasib Ahmad samalah seperti _____.

- ☐ A jauhari sahaja yang mengenal manikam
- ☐ B ketam mengajar anaknya berjalan betul
- ☐ C kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan
- ☐ D melepaskan anjing tersepit

15. Anita _____ apabila menyadari bahawa dia tertinggal buku latihan Matematik di rumahnya.

- ☐ A seperti lipas kudung
- ☐ B seperti cacing kepanasan
- ☐ C seperti tikus jatuh di beras
- ☐ D seperti kera mendapat bunga

16. Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilih satu peribahasa yang sesuai.



- ☐ A menangguk di air yang keruh
- ☐ B air susu dibalas dengan air tuba
- ☐ C lembu punya susu sapi dapat nama
- ☐ D sebab nila setitik rosak susu sebelanga

17. Bakat Atilia dalam bidang seni suara bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana ibunya pernah menjadi penyanyi suatu masa dahulu.

Peribahasa yang berikut sesuai untuk menggambarkan situasi di atas, **kecuali**...

- ☐ A ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.
- ☐ B guru kencing berdiri, murid kencing berlari.
- ☐ C bagaimana acuan, begitulah kuihnya.
- ☐ D bapa borek, anak rintik.

18. Perasaan Zainun _____ apabila mengetahui bahawa dia gagal dalam pemilihan sebagai pemain bola jaring sekolahnya.

- ☐ A bagai kumbang terputus tali
- ☐ B bagai kucing kehilangan anak
- ☐ C seperti melukut di tepi gantang
- ☐ D seperti kaca terhempas ke batu

19. Pasukan bola sepak Selangor akan menurunkan _____nya dalam perlawanan menentang pasukan Perlis pada malam ini.

- ☐ A akal kancil
- ☐ B anak emas
- ☐ C kaki bangku
- ☐ D ayam tambatan

20. Pak Dalm sanggup _____ untuk menyelamatkan cucunya daripada lemas di dalam tasik itu.

- ☐ A bergadai nyawa
- ☐ B bertikam lidah
- ☐ C bermuka dua
- ☐ D berhati waja